

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**TARIKH PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI VOT, TERIMAAN, DEPOSIT DAN AMANAH BAGI TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah diminta mengemukakan Sijil Pengesahan Baki (SPB) selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) seperti berikut:

- 2.1 **Vot** - SPANM Bil.5 Tahun 2023 menetapkan bahawa SPB hendaklah dikemukakan ke Pejabat Perakaunan **selewat-lewatnya pada 14 haribulan bulan berikutnya;**
- 2.2 **Terimaan** - SPANM Bil.3 Tahun 2019 menetapkan bahawa SPB hendaklah dikemukakan ke Pejabat Perakaunan selewat-lewatnya pada 14 haribulan bulan berikutnya;
- 2.3 **Deposit** - SPANM Bil.1 Tahun 2023 menetapkan bahawa SPB dan Senarai Baki Pendeposit hendaklah dikemukakan ke JANM Negeri/Cawangan dan disalinkan kepada Bahagian Akaun Kementerian dalam tempoh **14 hari dari hari pertama bekerja bulan berikutnya;** dan
- 2.4 **Amanah** - SPANM Bil.4 Tahun 2021 menetapkan bahawa SPB perlu dikemukakan kepada PTJ Dipertanggung dan disalinkan kepada JANM Negeri/Cawangan dalam tempoh **14 hari dari tarikh laporan PTJ dijana.**

3. Kerjasama YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah diminta untuk mematuhi tarikh penghantaran SPB seperti berikut:

<b>BULAN</b>	<b>TARIKH AKHIR PENGHANTARAN SPB (VOT / TERIMAAN/ AMANAH / DEPOSIT)</b>
JANUARI	14/02/2025
FEBRUARI	14/03/2025

MAC	14/04/2025
APRIL	14/05/2025
MEI	13/06/2025
JUN	14/07/2025
JULAI	14/08/2025
OGOS	12/19/2025
SEPTEMBER	14/10/2025
OKTOBER	14/11/2025
NOVEMBER	12/12/2025
DISEMBER	14/01/2026

4. Surat peringatan akan dikeluarkan sekiranya pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin/ Tuan / Puan tidak menghantar SPB pada tarikh yang telah ditetapkan.

5. Untuk pertanyaan lanjut berkaitan Sijil Pengesahan Baki, pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan boleh berhubung dengan pegawai-pegawai Unit Akaun, JANM Negeri Perlis di talian 04-9762766. Keprihatinan YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan berkenaan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"**

**UNIT AKAUN  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERAK**